

Bil. S 3

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3) dan (5))

PERINTAH PERBEKALAN TAMBAHAN (2009/2010) (BIL. 3), 2010

BAHAWASANYA Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan suatu Pemasyhuran Darurat bertarikh 24 haribulan November, 2009 telah mengisytiharkan dan memasyhurkan mulai dari tarikh tersebut suatu keadaan darurat bagi seluruh Negara Brunei Darussalam;

DAN BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa apabila suatu Pemasyhuran Darurat telah dibuat dan selagi Pemasyhuran tersebut berkuatkuasa, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh membuat apa jua Perintah pun yang Baginda fikirkan dikehendaki bagi kepentingan orang ramai;

DAN BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Perkara 83(5) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, dengan mana-mana Perintah sedemikian, membuat semua peruntukan kewangan yang difikirkan perlu oleh Baginda selama tempoh darurat itu, termasuk peruntukan bagi perkhidmatan awam;

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang empat ribu sembilan ratus lapan puluh lima juta, tujuh ratus lapan puluh lima ribu, enam ratus ringgit (\$4,985,785,600.00) telah diperuntukkan melalui Akta Perbekalan (2009/2010), 2009 (Akta 1 tahun 2009);

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang tiga puluh juta ringgit (\$30,000,000.00) telah diperuntukkan melalui Perintah Perbekalan Tambahan (2009/2010) (Bil. 1), 2009 (S 41/09);

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang dua puluh tiga juta, dua ratus sebelas ribu dan lapan ratus empat puluh enam ringgit (\$23,211,846.00) telah diperuntukkan melalui Perintah Perbekalan Tambahan (2009/2010) (Bil. 2), 2009 (S 53/09);

DAN BAHAWASANYA adalah sekarang perlu untuk mengadakan satu peruntukan tambahan sebanyak satu ratus lima puluh empat juta, enam ratus sembilan puluh dua ribu ringgit (\$154,692,000.00);

OLEH YANG DEMIKIAN MAKA, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan kepada Baginda oleh Perkara 83(3) dan (5) dari Perlembagaan Negara

Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Perbekalan Tambahan (2009/2010) (Bil. 3), 2010.

Perbelanjaan tambahan bagi tahun 2009/2010 dan peruntukan.

2. (1) Pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi satu ratus lima puluh empat juta, enam ratus sembilan puluh dua ribu ringgit (\$154,692,000.00) dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi perbelanjaan ke atas perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual bagi tahun 2009/2010, yang tidak diperuntukkan atau tidak diperuntukkan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan (2009/2010), 2009 (Akta 1 tahun 2009), Perintah Perbekalan Tambahan (2009/2010) (Bil. 1), 2009 (S 41/09) dan Perintah Perbekalan Tambahan (2009/2010) (Bil. 2), 2009 (S 53/09) adalah dengan ini dibenarkan.

(2) Wang yang tersebut itu adalah diperuntukkan bagi perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL

[1] Tajuk	[2] Gelaran	[3] Jumlah Yang Diperuntukkan kepada Tajuk
SD01A	KEMENTERIAN KEWANGAN Jabatan Kementerian Kewangan	\$154,692,000.00
		\$154,692,000.00

Diperbuat pada hari ini 19 haribulan Muharam, Tahun Hijrah 1431 bersamaan dengan 5 haribulan Januari, 2010 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM